

FOTO: UNIKL HOCKEY



Para pemain UniKL menjalani latihan menjelang perlawanan Piala Sumbangsih menentang THT di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil hari ini.

Perhitungan UniKL, THT

Oleh MUHAMMAD ZAKWAN
NAZARALY

Universiti Kuala Lumpur (UniKL) berada dalam motivasi terbaik untuk merampas Piala Sumbangsih daripada Pasukan Hoki Terengganu (THT) di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil hari ini.

Kapten UniKL, Muhammad Marhan Mohd Jalil berkata, kemenangan menjadi agenda utama pasukan universiti itu, apatah lagi perlawanan tersebut bukan hanya menawarkan piala, malah turut memastikan tiga mata dalam saingan Liga Hoki Malaysia (LHM) musim ini.

"Dari segi persiapan, semuanya berada dalam keadaan yang sangat bagus, ditambah pula dengan motivasi para pemain yang dilihat sudah bersedia sepenuhnya untuk mengharungi saingan musim ini.

"Apa yang menjadi keutamaan kami adalah untuk meraih kemenangan dan mendapatkan tiga mata dalam pertemuan menentang THT.

"Daripada situ ia pasti akan membantu untuk menaikkan semangat pasukan mengharungi musim ini," katanya.

THT muncul juara Piala Sumbangsih musim lalu selepas menewaskan UniKL 3-1 dalam penentuan penalti selepas aksi sebenar 60 minit berkesudahan dengan keputusan seri 2-2.

Marhan turut memberitahu, UniKL sudah bersedia sepenuhnya untuk mengharungi saingan LHM tahun ini selain tidak melihat sebarang masalah untuk pasukan membentuk keserasian.

Sementara itu, kapten THT, Mohd Fitri Saari tidak mahu rakan-rakan sepasukannya memandang rendah keupayaan UniKL walaupun pasukan Pantai Timur itu merupakan penyandang juara Piala Sumbangsih.

Bagaimanapun, Fitri tetap percaya pengalaman yang dimiliki jurulatih baharu mereka, Muhammad Dharmaraj Abdullah serta barisan pemain mampu untuk merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan THT.

"Persiapan pasukan kami berjalan dengan baik, cuma pemain import dari Pakistan tiba agak lewat. Kami berharap keserasian antara pemain dapat diserap dengan secepat mungkin dan dibentuk sebaiknya.

"Lawan kami mendapat khidmat pemain import yang hebat dan ditambah dengan kehadiran Tengku Ahmad Tajuddin dalam pasukan mereka, jadi saya boleh katakan UniKL adalah pasukan kuat musim ini.

"Saya juga harap dengan kehadiran jurulatih Dharmaraj dan kemasukan pemain-pemain baharu dapat membantu pasukan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan," katanya.